**D.R. 41/2017**

RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas**

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) (No. 2) 2017.

**Pindaan seksyen 21**

**2.** Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [*Akta 445*] dipinda dalam perenggan 21(1)*(b)* dengan menggantikan perkataan "seksyen 132B" dengan perkataan "seksyen 132, 132A atau 132B".

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 ("Akta 445").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda perenggan 21(1)*(b)* Akta 445 untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai perkiraan cukai dua kali dan pertukaran maklumat cukai masing-masing di bawah seksyen 132 dan 132A Akta Cukai Pendapatan 1967.

### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3093]